PENJELASAN 3 PERINGKAT JANIN (نُطْفَة-عَلَقَة-مُضْغَة-عظام-□م-خلقا گاملا)

▫ PERINGKAT SEBELUM BERBENTUK JANIN

► Hari pertama hingga hari ke 40 umur janin;

► Melakukan pengguguran pada tahap ini menurut pendapat sebahagian besar ahli feqah adalah *makruh tanzih* (sesuatu yang apabila ditinggalkan mendapat pahala dan apabila dikerjakan tidak berdosa) beserta 3 syarat :

■ Persetujuan daripada suami isteri;
■ Mendatangkan mudarat kepada ibu/ janin;
■ Perakuan 2 orang doktor pakar dan Muslim yang adil.

▫ PERINGKAT SETELAH BERBENTUK JANIN

►Umur janin dari 40 hari hingga 120 hari;

►Tahap perkembangan janin adalah pembentukan awal anggota badan;

► Melakukan pengguguran di peringkat ini hampir kepada haram (makruh yang amat dilarang) kerana dikhuatiri larangan ini akan menjadi berat sekiranya umur janin itu meningkat;

►Pengguguran harus dilakukan bagi tujuan mengelakkan daripada bahaya yang akan menimpa ibu atau janin dengan syarat perlu mendapat kenyataan secara bertulis daripada doktor pakar. Contoh :

- Kes lemah jantung @ sakit jantung kronik;
- Kes buah pinggang yang kronik;
- Kes yang berkaitan dengan paru-paru;
- Kes yang berkaitan dengan tekanan jiwa;
- Kes lain yang dikenalpasti oleh doktor boleh mengancam keselamatan dan membaha-

▫ PERINGKAT SETELAH DITIUPKAN ROH

►Haram kerana dianggap jenayah membunuh bayi atau janin kerana ia telah sempurna hidup dan diwajibkan membayar *diyyat* (pampasan atau ganti rugi);

► Walaubagaimanapun, harus digugurkan sekiranya untuk menyelamatkan nyawa ibu atas nasihat doktor pakar dan Muslim yang adil dan tiada alternatif lain kecuali menggugurkan janin;

►Ijtihad berdasarkan kaedah *'Qawa'idul Fiqhiyyah'* (memilih mana yang lebih ringan kemudaratannya kerana mengelak bahaya yang lebih berat) tanpa mengambil kira peringkat umur janin berkenaan.

HUKUM BERKAITAN PENGGUGURAN JANIN DALAM PELBAGAI KEADAAN

Syarat : Wajib mendapatkan perakuan 2 orang doktor pakar dan Muslim yang adil, dipercayai dan berwibawa, tiada alternatif lain, persetujuan suami isteri dan syarat-syarat lain yang berkaitan.

■ Janin tidak normal, terjejas teruk, tidak dapat dirawat dan sekiranya lahir diyakini akan menderita sepanjang hidup dan menyebabkan kesulitan kepada keluarganya - hukumnya : harus digugurkan sebelum berumur 120 hari dan tanggungjawab terletak kepada suami, isteri dan syor perakuan doktor pakar dan Muslim yang adil;

■ Janin menghidap penyakit yang ringan (tidak mengakibatkan kematian) yang boleh diubati - hukumnya : haram sebelum dan selepas 4 bulan;

■ Janin menghidap kecacatan ringan yang tidak boleh diubati tetapi ia boleh hidup seperti buta, cacat sebelah tangan atau kedua-duanya, cacat kaki, kurang jari, sumbing dan sebagainya— humumnya : haram jika umur janin melebihi 4 bulan, harus jika umur janin di bawah 4 bulan;

■ Janin menghidap kecacatan yang serius dan boleh membawa kematian seperti ketumbuhan serius, kecacatan otak, tiada paru-paru dan sebagainya - hukumnya : Tiada hukum kerana kebiasaannya janin akan gugur dengan sendirinya;

■ Janin mengalami kecacatan anggota yang akan membawa kematian sejurus selepas dilahirkan. Terdapat perbezaan hukum menurut ulama' :

a) Harus sebelum 4 bulan, Haram selepas 4 bulan;

b) Harus walaupun selepas 4 bulan dengan syarat berkeyakinan tinggi hasil analisa dan perakuan doktor-doktor pakar dan Muslim yang adil;

■ Janin menghidapi penyakit AIDS : Harus sebelum 4 bulan, Haram selepas 4 bulan;

■ Janin sihat/ sakit/ cacat tetapi nyawa ibu akan terancam sekiranya janin dilahirkan : Harus gugur janin sama ada sebelum atau selepas 4 bulan kerana nyawa ibu diutamakan dalam keadaan ini.

MENGAPA UMUR JANIN SEBELUM DAN SELEPAS 120 BERBEZA DARI SUDUT HUKUM?

▲Hadith Riwayat Muslim menyatakan hidup insan bermula sebagai manusia dengan mempunyai hak-hak kemanusiaan yang diiktiraf dalam Islam adalah dari umur 4 bulan dalam kandungan;

▲ Merujuk kepada hadith Rasulullah SAW, manusia ditiupkan rohnya ketika sekitar umur 120 hari. Ini disepakati oleh Mazhab Maliki, Hanbali, Hanafi, Syafi'e dan majoriti ulama';

▲ Maka apabila telah ditiupkan roh, janin tersebut dianggap sebagai seorang manusia yang mempunyai hak seperti manusia sempurna;

▲ Justeru, penggugurannya adalah dikira membunuh manusia atau nyawa. Ia diharamkan oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya yang bermaksud : *"Dan janganlah kamu membunuh nyawa manusia yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan alasan yang benar (di sisi syarak)."*

(Surah Al-An'am : ayat 151)

▲ Walaupun majoriti fuqaha' memfatwakan boleh menggugurkan janin sebelum 4 bulan dengan sebab-sebab yang konkrit, bagaimanapun terdapat sekumpulan kecil ulama' yang mengharamkannya dalam semua peringkat umur janin. Ia adalah pandangan Imam Abu Hamid Al-Ghazali serta sebahagian fuqaha' Mazhab Maliki.

▲ Ulama golongan Syafi'e telah bersepakat bahawa pengguguran kandungan janin adalah diharamkan apabila janin itu telah ditiupkan roh iaitu selepas 120 hari atau lebih dari 4 bulan.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Agama Islam

Menggugurkan Janin Pembawa Atau Penghidap Penyakit Thalassemia

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-52 pada 1 Julai 2002 memutuskan :

a) Makruh menggugurkan janin yang berumur antara satu hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan kedua-dua suami isteri.

b) Pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

c) Pengguguran janin yang telah berumur 120 hari atau lebih adalah haram kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu dan atas sebab kecacatan yang teruk.

Menggugurkan Kandungan Mangsa Yang Dirogol

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-52 pada 1 Julai 2002 memutuskan:

a. Haram menggugurkan kandungan janin yang berumur lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu.

b. Pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-26 pada 7 – 8 Mac 1990 memutuskan:

Adalah haram menggugurkan janin di dalam kandungan, kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

Risalah ini telah disemak oleh S.S. Dato' Setia Haji Mohd. Tamyes bin Abd Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor pada 16 Rejab 1431H/ 29 Jun 2010M.
Rujukan Surat : (17)dlm.Mufti. Sel.400-5 Jld.8
Rujukan Kami :
Bil(43)UHEI/HTAR/KLG/AM01/01 Jld2

TERBITAN 2010

PENGGUGURAN JANIN : APA KATA ISLAM ?

PENGENALAN

■ Pengguguran janin disebabkan oleh:

►Faktor kesihatan ibu atau bayi;

► Pasangan zina yang ingin melepaskan diri dari perbuatan zina dan melahirkan anak luar nikah;

► Keperluan lain menggugurkan janin oleh suami isteri kerana sebab-sebab yang dibenarkan syarak.

FIRMAN ALLAH SWT :

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kemiskinan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan juga kepada kamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah satu dosa yang besar".

(Surah al-Israa' : ayat 31)

Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam
(Bahagian Pengurusan)
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA